



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM CSR TAUTAN CERIA KWP PUPUK MINAT BERTANI DALAM KALANGAN WARGA KOTA

KUALA LUMPUR, 16 Februari 2017 – Sebanyak 200 unit *greenkit* diagihkan kepada 130 orang penerima daripada PPR Seri Semarak meliputi kategori penerima baru dan penerima sedia ada bagi menjayakan projek rintis teknologi pertanian menggunakan sistem *GreenKit* di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Usaha ini adalah inisiatif daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan tujuh (7) buah Persatuan Penduduk di bawah penganjuran program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Tautan Ceria yang dihadiri oleh YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki, Isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2017 (SHWP 2017) yang diadakan di PPR Seri Semarak hari ini.

Penganjuran program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk serta menyasarkan kepada golongan B40 dalam usaha membantu golongan tersebut meringankan kos sara hidup di ibu kota. Terdapat tujuh (7) lokasi yang dipilih menjalankan program ini iaitu di PPR Batu Muda, PPR Wahyu, PPR Perkasa, PPR Seri Alam, PPR Pantai Ria, PPR Laksamana dan PPR Seri Semarak.

Sistem penanaman ‘*GreenKit*’ daripada MARDI ini menyerupai penanaman di kawasan tanah semulajadi iaitu air dari dalam tanah naik ke atas dengan tindakan kapilari. Sistem ini meliputi tanaman pokok sayuran berdaun, pokok sayuran berbuah dan pokok

herba. Tanaman jenis ini boleh ditinggalkan tanpa pengurusan rapi. Kaedah ini juga sesuai untuk penanaman di ruang yang terhad dan yang paling penting ianya mengindahkan landskap kawasan sekitar dan bebas dari ancaman nyamuk aedes.

KWP telah memperuntukkan sebanyak RM50,000.00 manakala YWP menyumbang sebanyak RM20,000.00 untuk menjayakan program CSR Tautan Ceria. Penganjuran program ini bertujuan untuk mendekatkan Kerajaan dengan masyarakat melalui kaedah turun padang (*outreach*) pemimpin untuk mengetahui dan merasai permasalahan rakyat dalam menghadapi situasi ekonomi global masa kini. Selain itu, melalui program seperti ini dapat mendidik masyarakat untuk bersama-sama menjaga serta memelihara alam sekitar bagi menjadikan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan sebagai *green city*. Malah program ini juga dilihat boleh menjadi landasan untuk mendidik dan memberi pendedahan awal kepada anak-anak mengenai bidang pertanian bandar yang berpotensi tinggi sekiranya diusahakan secara sistematis dan mampu menghasilkan pulangan lumayan serta menjadi sumber pendapatan.

Diharapkan menerusi penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan program-program CSR seperti ini akan memberi impak yang besar kepada golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan khususnya melalui pendekatan mesra rakyat. Ini adalah selaras dengan tema SHWP 2017 iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” untuk menambahkan rasa sayang dan cinta kepada Wilayah Persekutuan serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan warganya terus terpelihara.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
16 Februari 2017